



**KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG  
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN  
SEBERANG PERAI TENGAH**

**DOKUMEN SEBUTHARGA**

**NO. SEBUTHARGA : JPS/N/SH/SPT/TB/2/2015**

**KERJA-KERJA PEMBINAAN PARIT KAMPUNG  
BERHAMPIRAN LOT 496, MK. 9 TANAH LIAT , DI DAERAH  
SEBERANG PERAI TENGAH**



**JURUTERA DAERAH  
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN  
SEBERANG PERAI TENGAH**



## KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

### JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN SEBERANG PERAI TENGAH

NO. SEBUTHARGA : JPS/N/SH/SPT/TB/2/2015

TAJUK KERJA : KERJA-KERJA PEMBINAAN PARIT KAMPUNG BERHAMPIRAN LOT 496, MK. 9 TANAH LIAT , DI DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH

#### JADUAL KANDUNGAN

Bil.	Butiran	Muka Surat
1.	Kenyataan Sebutharga	1
2.	Dokumen A - Arahan Kepada Penyebutharga	A/1 – A2
3.	Dokumen B - Syarat-syarat Sebutharga	B/1 – B/3
4.	Dokumen C - Borang Sebutharga	C/1
5.	Dokumen D - Ringkasan Sebut Harga	D/1 – D/2
6.	Dokumen E - Spesifikasi	-
7.	Dokumen F1 - Surat Akuan Pembida	F/1
8.	Dokumen G - Senarai Kerja Yang Telah Disiapkan	G/1
9.	Dokumen H - Senarai Kerja Dalam Tangan	H/1

# KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

## JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN



### KENYATAAN SEBUTHARGA

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM(CIDB) / Kementerian Kewangan dalam Gred kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut :-

**NO. SEBUTHARGA : JPS/N/SH/SPT/TB/2/2015**

**TAJUK : KERJA-KERJA PEMBINAAN PARIT KAMPUNG BERHAMPIRAN LOT 496,  
MK. 9 TANAH LIAT , DI DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH**

2. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai sebutharga ini hendaklah berdaftar dan masih aktif Dengan :-

- |       |   |           |        |           |
|-------|---|-----------|--------|-----------|
| I).   | Pusat Khidmat kontraktor (PKK/CIDB) dalam Kelas<br>Kod Bidang G1-CE-CE06 DAN G1-CE-CE21 | <b>G1</b> | Kepala | <b>CE</b> |
| ii).  | Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM)                                 |           |        |           |
|       | a) Perakuan Pendaftaran Kontraktor  |           |        |           |
|       | b) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan   |           |        |           |
| iii). | Berdaftar dengan e-perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang                               |           |        |           |

3. Segala maklumat Sebutharga boleh didapati semasa waktu pejabat di **Pejabat Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Seberang Perai Tengah, Jalan Bukit Tengah, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang**, mulai dari **09/04/2015** hingga **16.4.2015**

4. Dokumen Sebutharga boleh diperolehi dengan harga RM10.00 melalui sistem ePerolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di laman web <http://ep.penang.gov.my>.

5. Taklimat/Lawatan tapak akan diadakan pada : **09/04/2015** pada waktu **9.30** pagi Kontraktor-kontraktor yang di tauliahkan, yang berminat untuk menyertai sesi taklimat ini dikehendaki berada di **Pejabat Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Seberang Perai Tengah, Jalan Bukit Tengah, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang** pada tarikh dan masa yang ditetapkan.

6. Sebutharga ini akan ditutup pada hari **16.4.2015** Dokumen Sebutharga hendaklah dimasukkan ke Dalam Peti dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Pejabat Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Seberang Perai Tengah, Jalan Bukit Tengah, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang** tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada hari tersebut.

*Nota : Sesi Taklimat dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** dan hanya kontraktor yang ditauliahkan yang menghadiri sesi taklimat dibenarkan mengambil Dokumen Sebutharga.*

t.t

**(MOHD ANUAR BIN ABDUL NASIR)**

Jurutera Daerah

Jabatan Pengairan dan Saliran

Seberang Perai Tengah

## **ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA**

### **1.0 Hak Kerajaan Untuk Menerima/Menolak Sebutharga**

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebutharga yang terendah atau mana-mana Sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.

### **2.0 Cara-cara Melengkapkan Dokumen Sebutharga**

#### **2.1 Penyediaan Sebutharga**

Penyebutharga adalah diwajibkan mengisi segala maklumat berikut dengan sepenuhnya;

- a) Ringkasan Sebutharga perlu diisi sepenuhnya dan ditandatangani oleh penyebutharga.
- b) Borang Sebutharga perlu diisi dengan menyatakan harga secara pukal (Lump Sum) dan tempoh masa yang diperlukan untuk melaksanakan kerja. Borang ini perlu ditandatangani oleh penyebutharga dan saksinya.
- c) Pegawai yang menandatangani Ringkasan Sebutharga dan Borang Sebutharga ini hendaklah Pegawai Syarikat Yang ditauliahkan seperti yang dinyatakan dalam Sijil Pendaftaran dengan Pusat Khidmat Kontraktor.
- d) Butir-butir Spesifikasi (jika ada),
- e) Senarai Kerja Dalam Tangan
- f) Senarai Pengalaman Kerja

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas, Penyebutharga hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

#### **2.2 'Integriti Pact'**

- a) Penyebutharga wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida seperti di Dokumen D1 di mana ia berwaad untuk tidak menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tawaran ini. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida ini hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.
- b) Surat Akuan Pembida tersebut adalah menjadi salah satu dokumen wajib dalam penilaian sebutharga peringkat pertama. Sekiranya pembida gagal mengemukakan surat Akuan tersebut yang telah ditandatangani oleh pegawai Syarikat yang bertauliah, pembida tersebut akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian peringkat pertama (gagal mengemukakan dokumen wajib) dan penilaian seterusnya tidak akan dilaksanakan.

## **2.2 'Integriti Pact'**

- c) Kontraktor yang berjaya wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida Berjaya seperti di Dokumen D2 dimana ia berwaad tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida ini hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak Syarikat. Surat Akuan ini akan menjadi sebahagian daripada Perjanjian Sebutharga.

## **2.3 Penyerahan Dokumen Sebutharga**

- a) Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan Sebutharga \_\_\_\_\_ serta tajuk Sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Kenyataan Sebutharga.
- b) Jika Dokumen Sebutharga tidak diserahkan dengan tangan, Kontraktor hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- c) Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan atas sebab apa sekalipun, tidak akan dipertimbangkan.
- d) Kesempurnaan dokumen akan dinilai semasa penilaian sebutharga dibuat.

## **2.4 Penjelasan Lanjut**

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebutharga yang tidak jelas atau bercanggah, Penyebutharga boleh menghubungi **HASSAN BIN JAT** di alamat Pejabat Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang untuk penjelasan lanjut.

## **3.0 Ringkasan Sebutharga**

- 3.1 Ringkasan Sebutharga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebutharga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebutharga.
- 3.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan kerja dengan sempurnanya.

## **4.0 Tempoh Siap Kerja**

- 4.1 Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi **2 BULAN**

## **5.0 Perbelanjaan Penyediaan Sebutharga**

- 5.1 Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebutharga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

## **6.0 Tempoh Sah Sebutharga**

- 6.1 Sebutharga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup Sebutharga. Penyebutharga tidak boleh menarik balik sebutharganya sebelum tamat tempoh sah. Pengesyonan tindakan tatatertib akan diambil sekiranya Penyebutharga menarik balik sebutharganya sebelum tamat tempoh sebutharga.

## **SYARAT – SYARAT SEBUTHARGA**

### **1.0 Pemeriksaan Tapakbina**

Kontraktor adalah dinasihatkan untuk memeriksa dan meneliti tapakbina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapakbina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara – cara perhubungan dan laluan masuk ke tapakbina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaandan segala hal – keadaan yang mempengaruhi dan menjelaskan Sebutharganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

### **2.0 Insurans dan Perkeso**

- 2.1 Bagi Sebutharga yang bernilai melebihi RM 50,000.00, Kontraktor hendaklah mengemukakan perkara-perkara berikut :-
  - I) Insurans Tanggungan Awam atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor bagi tempoh Pelaksanaan Kerja termasuk Tempoh Liabiliti Kecacatan. Nilai minimum hendaklah sebanyak RM 25,000.00 Bagi setiap kemalangan untuk kerja di bawah RM 100,000.00. Bagi Kerja diantara RM 100,000.00 hingga RM 200,000.00, nilai minimum hendaklah sebanyak RM 50,000.00 bagi setiap kemalangan.
  - ii) Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.
- 2.2 Bagi Sebutharga yang tidak melebihi RM 50,000.00 kontraktor hanya perlu mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO. Walaubagaimanapun, kontraktor hendaklah menanggung rugi Kerajaan sekiranya terdapat sebarang tuntutan atas sebab kemalangan oleh mana-mana pihak.
- 2.3 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pengawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimanapun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja, Nota-nota perlindungan dan resit – resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah Nota-nota perlindungan tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pengawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasal 8.1 (e) Syarat-syarat ini.

### **3.0 Peraturan Pelaksanaan Kerja**

- 3.1 Kerja–kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, Pelan–pelan, Butir–butir Kerja dalam Ringkasan Sebutharga, Syarat–Syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebutharga dan Arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.

### **4.0 Sub – Sewa dan Penyerahan Hak**

- 4.1 Kontraktor tidak dibenarkan mengsub – sewakan kerja kepada kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerah hak apa–apa faedah di bawah Inden Kerja ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada pengawai inden

D1

### **5.0 Penol**

- 5.1 Pegawai Inden atau wakilnya berhak menolak bahan, barang dan kerja–kerja yang tidak menepati spesifikasi. Bahan, barang dan kerja–kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh kontraktor sendiri.

## **6.0 Ringkasan Sebutharga**

- 6.1 Ringkasan Sebutharga hendaklah menjadi sebahagian daripada Sebutharga ini.
- 6.2 Harga–harga dalam ringkasan sebutharga yang dikemukakan oleh kontraktor hendaklah tertakluk kepada Persetujuan Pengawai Inden tentang kemunasabahannya.

Apa–apa pelarasan kepada harga dan apa–apa kesilapan pengiraan dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah diselaraskan dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan jumlah harga pukal dalam Borang Sebutharga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebutharga hendaklah tetap tidak berubah.

- 6.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan atau pelarasan harga dibuat akibat daripada perubahan kos buruh, bahan–bahan, duti dan cukai kerajaan, samaada dalam tempoh sah Sebutharga atau dalam tempoh kerja.

## **7.0 Percanggahan dalam Dokumen Sebutharga**

- 7.1 Jika Kontraktor mendapati apa–apa percanggahan dalam Dokumen Sebutharga dia hendaklah merujuk Kepada Pengawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

## **8.0 Bayaran Kerja**

Bayaran atas kerja yang telah dilaksanakan akan dibuat seperti berikut :-

- (I) Bayaran sepenuhnya iaitu setelah Kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurna dan menyerahkan Inden Kerja Asal; **atau**
- (ii) Bayaran berperingkat tertakluk kepada maksima dua (2) kali bayaran bagi Sebutharga yang tempoh siapnya melebihi satu (1) bulan tetapi tidak melebihi dua (2) bulan. Bayaran pertama akan dibuat apabila kemajuan kerja mencapai sekurang-kurangnya 50% dari nilai Sebutharga atau satu (1) bulan, yang mana lebih awal. Manakala bayaran kedua adalah merupakan bayaran akhir; **atau**
- (iii) Bagi Sebutharga yang tempoh penyiapannya melebihi dua (2) bulan, bayaran kemajuan secara Bayaran Interim akan dibuat sehingga semua kerja disiapkan. Bayaran terakhir kepada kontraktor hendaklah dianggap sebagai perakuan bayaran muktamad kepada kontraktor atas keseluruhan kerja yang telah dilaksanakan.

## **9.0 Kerja Perubahan**

- 9.1 Pengawai Inden boleh mengeluarkan arahan–arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja Dengan secara bertulis. Tiada apa–apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pengawai Inden Boleh Membatalkan Sebutharga ini.
- 9.2 Semua kerja perubahan dan / atau tambahan yang diluluskan oleh Pengawai Inden akan diukur atau Dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti / Ringkasan Sebutharga. Jika terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pengawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

## **10.0 Tempoh Tanggungan Kecacatan**

- 10.1 Bagi kerja yang bernilai RM 20,000.00 hingga RM 200,000.00, Tempoh Liabiliti Kecacatan ialah selama enam ( 6 ) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Pada bila-bila masa di dalam Tempoh Liabiliti Kecacatan, Kontraktor hendaklah membaiki sebarang kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa–apa kerosakan lain yang disebabkan oleh bahan, barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati spesifikasi di atas perbelanjaannya sendiri setelah dimaklumkan oleh Pengawai Inden.

## **11.0 Penamatian Perlantikan Kontraktor**

- 11.1 Pengawai Inden berhak membatalkan Inden Kerja sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden:
- a) Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas 7 hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang Dinyatakan dalam inden kerja, tanpa sebab yang munasabah.
  - b) Sekiranya Kontraktor gagal menyiapkan Kerja pada tarikh siap kerja atau dalam tempoh lanjutan Masa yang diberikan.
  - c) Kemajuan Kerja terlalu perlahan tanpa apa-apa sebab yang munasabah.
  - d) Penggantungan perlaksanaan keseluruhan atau sebahagian kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah.
  - e) Tidak mematuhi arahan Pengawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
  - f) Apabila Kontraktor diisyiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

11.2 Sekiranya perlantikan Kontraktor ditamatkan, tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

## **12.0 Pematuhan Kepada Undang-Undang**

- 12.1 Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-Undang Kecil dan Undang- Undang Berkanun Dalam Malaysia semasa pelaksanaan kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan akibat pematuhan syarat ini.

## **13.0 Pengambilan Pekerja**


- 13.1 Kontraktor perlulah menggunakan tenaga kerja tempatan sepenuhnya dan hendaklah Mengemukakan senarai nama pekerja masing-masing kepada pegawai penguasa. Dengan ini kontraktor adalah dilarang menggunakan tenaga asing. Kegagalan pihak kontraktor untuk mematuhi syarat ini boleh diambil tindakan tatatertib oleh pengawai penguasa.

## **14.0 Pembelian Menerusi E- Perolehan**

- 14.1 Bagi sebutharga yang perlu dibeli borang sebutharga melalui sistem e-perolehan, resit asal pembelian Borang sebutharga hendaklah disertakan bersama semasa menghantar borang sebutharga. Kegagalan kontraktor untuk mengemukakan resit ini boleh menyebabkan sebutharga **DITOLAK**.

## **15.0 Tempoh Siap Kerja dan Tuntutan Pembayaran**

- 15.1 Pihak kontraktor hendaklah menyiapkan kerja-kerja dalam tempuh yang ditetapkan. Tuntutan bayaran yang lengkap serta lapuran siap kerja hendaklah dikemukakan ke Pejabat JPS Daerah Seberang Perai Tengah dalam tempoh 2 minggu dari tarikh siap kerja diperakukan. Pihak pejabat tidak bertanggungjawab diatas kelewatan Pembayaran disebabkan kegagalan kontraktor mengemukakan tuntutan dan laporan siap kerja yang lengkap dalam tempuh yang ditetapkan.



## BORANG SEBUTHARGA

No. Sebutharga : JPS/N/SH/SPT/TB/2/2015

Jabatan Pengairan Dan Saliran  
 Seberang Perai Tengah  
 Jalan Bukit Tengah  
 14000 Bukit Mertajam  
 Pulau Pinang

Tuan,

Sebutharga Untuk : **KERJA-KERJA PEMBINAAN PARIT KAMPUNG BERHAMPIRAN LOT 496,  
 MK. 9 TANAH LIAT , DI DAERAH SBERANG PERAI TENGAH**

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebutharga, Syarat-syarat Sebutharga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak

Ringgit Malaysia : .....

..... ( RM : ..... )

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dengan sempurna dan memuaskan dalam masa dari tarikh mula kerja seperti yang ditetapkan di bawah Fasal 2 Borang Inden Kerja.

Bertarikh pada ..... haribulan.....2015

.....  
 (Tandatangan Kontraktor)

.....  
 (Tandatangan Saksi)

Nama Penuh : .....

Nama Penuh : .....

No. K/P : .....

No. K/P : .....

Alamat : .....

Alamat : .....

Atas sifat : .....

.....

.....  
 Meteri atau Cop Kontraktor

## RINGKASAN SEBUTHARGA

No. Sebutharga : JPS/N/SH/SPT/TB/2/2015

Sebutharga : KERJA-KERJA PEMBINAAN PARIT KAMPUNG BERHAMPIRAN LOT 496, MK. 9 TANAH LIAT , DI DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH

**Nota :** Sebarang butiran yang tidak diperhargakan adalah dianggapkan telah dimasukkan dalam harga butiran-butiran yang lain. Penyebutharga adalah dianggap telah melawat tapak bina dan membaca syarat-syarat sebutharga dan kontrak bersama-sama pelan-pelan/lukisan-lukisan dan penentuan untuk memastikan sendiri liputan kerja yang terlibat sebelum menghargakan sebutharganya kerana sebarang tuntutan bayaran tambahan berhubung dengan perkara di atas tidak akan dipertimbangkan.

Bil	Huraian Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Harga (RM)
1.0	<b>KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT - SYARAT AM</b>				
	a. Penyediaan tapak bina seperti pembersihan kawasan, memancang tanda, laluan dan jalan sementara.	Pukal	-	-	
	b. Penyediaan pelbagai Insurans ( Contract All Risk, Workmen Compensation ) / Caruman PERKESO.	Pukal	-	-	
	c. Mengemukakan laporan bergambar lengkap dengan <b>TARIKH</b> bagi gambar <b>SEBELUM, SEMASA dan SELEPAS</b> siap dalam bentuk : <ul style="list-style-type: none"> <li>i) 3 set hard copy</li> <li>ii) 3 set CDR-W soft copy</li> <li>iii) 1 set soft copy dalam unit pendrive 4GB (tidak dipulangkan)</li> </ul>	Pukal	-	-	
	d. Butiran-butiran lain, kehendak-kehendak permulaan dan syarat-syarat am yang tidak disebutkan di atas.	Pukal	-	-	
	e. Penyediaan papan tanda maklumat projek seperti dilampirkan A1 termasuk memunggah kembali apabila siap dan tamat tempoh kecacatan projek	Pukal	-	-	
	<b>JUMLAH DI BAWA KE MUKA SURAT D/2 :</b>				

Bil.	Butiran Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Harga (RM )
2	<b>Jumlah dibawa dari muka surat D/1</b> Membekal tenaga pekerja, peralatan, bahan dan jentera yang bersesuaian untuk menjalankan kerja-kerja trim dan desilting parit sediada termasuk kerja mengangkut semua bahan korekkan dari tapak sepanjang 300m				-
3	<b>KERJA PEMBINAAN LONGKANG (300X300)MM, V-DRAIN</b> 3.1) Membekal, meratakan serta memampat batu crusher run sebagai tapak V-drain sepanjang 300m (300x0.3)m dengan ketebalan tidak kurang 150mm 3.2) Kerja-kerja menyusun, memasang dan plaster V-drain, termasuk kerja menyambung pada kekotak sump mengikut arahan dari Pegawai Penjaga 3.3) Kerja-kerja membina kekotak sump mengikut lokasi dan arahan dari Pegawai Penjaga 3.4) Menjalankan kerja-kerja ukur semasa pembinaan bagi memastikan kecerunan pemasangan parit serta arah aliran air dapat berfungsi seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penjaga * Periancian mengikut pelan, lokasi dan lampiran serta lain-lain arahan Pegawai Penjaga	M	300		
		M <sup>2</sup>	90.00		
		M	300.00		
		Pukal	-	-	
		Pukal	-	-	
<b>NOTA</b> Semua butiran dan kuantiti yang dinyatakan di ringkasan sebutharga adalah merupakan asas kepada pengiraan. Penyebutharga dinasihatkan untuk mendapat butiran kerja dan kuantiti sebenar berdasarkan pelan, penentuan dan keadaan tapak. Melainkan dinyatakan, kuantiti kerja tidak akan diukur semula dan Penyebutharga tidak boleh menuntut apa-apa kerugian akibat daripadanya.					
<b>Jumlah di bawah ke Borang Sebutharga</b>					

( Ringgit Malaysia : ..... )

( Tandatangan & Cop Penyebutharga )

Nama : \_\_\_\_\_

No. K/P : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Atas .....

( Tandatangan saksi )

Nama : \_\_\_\_\_

No. K/P : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Meteri atau Cop Syarikat

## SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

**Tajuk : KERJA-KERJA PEMBINAAN PARIT KAMPUNG BERHAMPIRAN LOT 496, MK. 9  
TANAH LIAT , DI DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH**

**No. Sebutharga : JPS/N/SH/SPT/TB/2/2015**

Saya, ..... nombor K.P .....  
(Nama Wakil Syarikat)

Yang mewakili ..... Nombor Pendaftaran  
(Nama Syarikat)

(PKK)..... dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau kepada mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN, PULAU PINANG** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN, PULAU PINANG** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....  
Nama :

No. K/P :

D1  
Cop Syarikat :

## SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

Bagi

Tajuk : KERJA-KERJA PEMBINAAN PARIT KAMPUNG BERHAMPIRAN LOT 496, MK. 9  
TANAH LIAT , DI DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH

No. Sebutharga : JPS/N/SH/SPT/TB/2/2015

Saya, ..... nombor K.P .....  
(Nama Wakil Syarikat)

Yang mewakili ..... Nombor Pendaftaran  
(Nama Syarikat)

(PKK)..... dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau kepada mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN, PULAU PINANG** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN, PULAU PINANG** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....  
Nama :

No. K/P :

D1  
Cop Syarikat :